

# **Kontrak Ireka RM109.7 juta**

**KUALA LUMPUR 15 Mei** – Ireka Corporation Bhd., melalui anak syarikat milik penuhnya, Ireka Engineering & Construction Sdn. Bhd., mendapat kontrak bernilai RM109.75 juta daripada Excellent Bonanza Sdn. Bhd..

Kontrak itu melibatkan pembinaan hotel setinggi 25-tingkat di KL Sentral bernilai RM109.75 juta termasuk kerja-kerja seni bina, struktur, mekanikal dan kejuruteraan (M&E) selain semua kerja luar, dengan tempoh pembinaan selama 18 bulan, kata Ireka.

Pengarah Urusan Kumpulan Lai Siew Wah berkata, ini akan merupakan hotel ketiga dalam portfolio pembinaan Ireka dan yakin dengan pengalamannya daripada dua projek lepas memenuhi keperluan jenama hotel antarabangsa.

Ireka membina 'The Westin Kuala Lumpur', yang memenangi anugerah FIABCI Prix d'Excellence 2006 (kategori pembangunan hotel dan resort terbaik) bagi konsep reka bentuk dan kegunaan ruang yang cekap. - BERNAMA